

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada **Pembekal Bumiputera Dan Bukan Bumiputera** yang berpengalaman dan berkelayakan serta berdaftar dengan Kementerian **Kewangan Malaysia (MOF)** dalam bidang yang tersebut di bawah dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :

MAKLUMAT TENDER	HARGA DOKUMEN / TARIKH DOKUMEN DIJUAL / TEMPAT DIJUAL & TARIKH TUTUP	KOD BIDANG	TAKLIMAT TENDER
<p>TAJUK TENDER :</p> <p>CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 3,000 UNIT KANOPI DAN 2,500 UNIT KANVAS KANOPI MUDAH ALIH PASAR TANI BERUKURAN 3M X 3M KEPADA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)</p> <p>NO. TENDER : FAMA/KPT/02-2018</p>	<p>HARGA DOKUMEN RM 100.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>TARIKH IKLAN 12 April 2018 (Khamis)</p> <p>TARIKH DIJUAL 19 April 2018 (Khamis) hingga 10 Mei 2018 (Khamis)</p> <p>TEMPAT DOKUMEN DIJUAL Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA Tingkat 1, Ibu Pejabat FAMA, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>TARIKH TUTUP 10 Mei 2018 (Khamis), 12.00 tengah hari</p> <p>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER PETI TENDER BILIK PUSAT KHIDMAT PELANGGAN FAMA, TINGKAT 1, IBU PEJABAT FAMA, BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN 1, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.</p>	<p>020901 (Bahan Tarpaulin & Kanvas)</p> <p>Nota: Petender-petender yang melepasi pra-syarat diwajibkan mengemukakan sampel kanoPI syarikat masing-masing untuk penilaian spesifikasi teknikal pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.</p>	<p>TARIKH 19 April 2018 (Khamis)</p> <p>MASA 10.00 Pagi</p> <p>TEMPAT Bilik Latihan, Tingkat 4, Bangunan FAMA Point, Bandar Baru Selayang, Batu Caves, Selangor.</p> <p>NO. TEL 03-6126 2020</p> <p>* HANYA PENAMA DI SIJIL MOF SAHAJA YANG BOLEH MENGHADIRI TAKLIMAT</p> <p>* SURAT WAKIL KUASA TIDAK DITERIMA</p> <p>* TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN</p>

Dokumen Tender dan keterangan lanjut boleh diperolehi semasa waktu pejabat dan boleh dibeli di **Pejabat FAMA seperti yang tertera di atas**. Petender yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki menyertakan bayaran dokumen dalam bentuk **Wang Pos / Kiriman Pos / Bank Draf** yang dibuat atas nama **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Wang Tunai dan Cek Persendirian tidak diterima.

Sila kemukakan Sijil Pendaftaran dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** yang asal bersama satu salinan fotokopi dan masih berkuatkuasa semasa menghadiri taklimat dan membeli dokumen tawaran.

Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertanda dengan no. tender yang berkenaan di sebelah kiri sampul surat. Dokumen Tender ini hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA, Tingkat 1, Ibu Pejabat FAMA, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan pada 10 Mei 2018 (Khamis)** sebelum jam 12.00 tengah hari (mengikut jam di Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA).

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) **tidak terikat** untuk menerima tawaran tender terendah atau mana-mana tawaran. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan. Syarikat yang tidak dihubungi 6 bulan selepas tarikh tutup dianggap tidak berjaya.